

10/05/2002

Projek saluran gas tetap diteruskan

Saidon Idris; Zulkofli Jamaluddin

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, projek menyalurkan gas dari kawasan pembangunan bersama (JDA) Malaysia-Thailand di Teluk Siam ke Malaysia akan tetap diteruskan walaupun jika Thailand mengubah pendiriannya.

Perdana Menteri berkata, jika itu berlaku, penyelesaian lain perlu dicari.

"Jika (saluran paip gas itu) tidak boleh melalui wilayah Thailand, ia boleh melalui wilayah Malaysia.

"Bagaimanapun setakat ini, mereka (Thailand) belum mengemukakan sebarang cadangan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (PPIC) di Kertih, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan projek itu yang sudah tertangguh sejak dua tahun lalu.

Projek saluran paip gas 352 kilometer dari Songkhla, Thailand ke Kedah itu dibangunkan secara usaha sama pada asas 50:50 antara Petronas dan syarikat minyak Thailand, PTT Plc.

Mengikut kontrak yang dimeterai pada November 1999, Petronas akan menerima 50 peratus gas daripada projek bernilai RM3 bilion itu mulai Julai 2002.

Bagaimanapun, projek saluran paip gas dari Songkhla itu tertangguh berikutan bantahan penduduk tempatan yang mendakwa saluran paip itu menjejaskan mutu alam sekitar dan kehidupan penduduk di kawasan yang terbabit.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebelum ini dilaporkan akan membuat keputusan berhubung kemungkinan membuat perubahan laluan bagi projek itu akhir bulan lalu.

Thaksin juga dilaporkan mencadangkan laluan projek saluran paip gas itu dipindahkan 20 kilometer ke utara lokasi asal bagi menamatkan bantahan penduduk tempatan.

Gas dari kawasan JDA disasarkan untuk digunakan syarikat penjana tenaga bebas (IPP) di utara Semenanjung Malaysia.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) mungkin perlu membuat tawaran awam mandatori (MGO) bagi saham Technology Resources Industries Bhd (TRI) yang tidak dimilikinya jika ia melepasi pegangan 33 peratus dalam TRI.

"Saya tak tahu, tetapi (menurut peraturan) jika mereka (Telekom Malaysia) melepasi pegangan 33 peratus dalam TRI, mereka perlu membuat MGO. Tetapi saya tak tahu kerana saya bukan menguruskan Telekom Malaysia," katanya.

Telekom Malaysia sehingga 3 Mei lalu menguasai 26.12 peratus dalam TRI selepas membeli 13.1 peratus saham syarikat itu yang dimiliki Tan Sri Tajudin Ramli yang dipegang Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) dan bakinya daripada pasaran terbuka.

Ditanya mengenai cadangan Tajudin untuk membenarkannya terus menguasai Naluri Bhd (Naluri) jika beliau menyelesaikan sebahagian besar hutangnya dalam tempoh 12 bulan, Dr Mahathir berkata, ia terserah kepada Danaharta.

"Saya tidak memberikan (khidmat) nasihat awam. Saya bukannya penasihat awam," katanya.

(END)